

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : "SEMPENA PELANCARAN LAPORAN UNICEF 'STATE OF THE WORLD'S CHILDREN REPORT 1993'"
Lokasi : HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR. (H.I) (K.L)
Tarikh : 16-01-1993

Sekali lagi saya berasa bangga kerana dapat berada di sini untuk melancarkan Laporan UNICEF - 'State Of The World's Children Report 1993'. Saya berasa gembira dengan usaha yang dilakukan oleh United Nations dan UNICEF dalam membela nasib kanak-kanak miskin sedunia. Di sidang kemuncak dunia United Nations yang diadakan pada tahun 1990, seramai 138 Ketua Negara, termasuklah dari Malaysia, telah berikrar untuk memastikan adanya kemudahan air minuman yang bersih bagi semua komuniti, skim perancangan keluarga dan pendidikan asas bagi semua kanak-kanak di dunia.

2. Ikrar ini akan dapat menjadi kenyataan sekiranya semua pihak terutamanya pihak akhbar memberi sokongan yang sewajarnya. Atas sebab-sebab tersebut, laporan UNICEF tahun ini menggunakan satu pendekatan yang lebih strategik bagi mendapatkan sokongan semua pihak. Saya berharap semua pihak di Malaysia akan menyambut rayuan ini dan memastikan agar masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak sedunia diberi perhatian oleh masyarakat umumnya. Setakat ini dengan adanya sokongan daripada pihak media, 80 peratus daripada matlamat immunisasi sedunia telah pun tercapai.

3. Ini bererti kira-kira tiga juta kanak-kanak dapat diselamatkan setiap tahun. Penyakit yang berterusan, kekurangan zat makanan dan buta huruf telah dikenalpasti sebagai punca asas yang menghalang pembangunan ekonomi sesebuah negara. Masalah ini merupakan masalah yang besar di Afrika, di mana beribu-ribu orang kanak-kanak menderita disebabkan pembangunan fizikal mereka yang terbantut.

4. Apabila kanak-kanak miskin terpaksa berhenti sekolah dan negara terpaksa berjimat-cermat, ini akan menjejaskan proses pembangunan ekonomi daripada segi jangka panjang.

5. Kita di Malaysia amat bernasib baik kerana masyarakat di negara ini adalah masyarakat yang penyayang. Masyarakat kita sering menyumbang wang dan tenaga bagi pelbagai usaha dan tujuan yang murni. Usaha terbaru United Nations ini adalah bagi mengisi Tabung Bosnia. Malaysia telah menghantar makanan dan pasukan tentera ke beberapa bahagian dunia yang menghadapi masalah. Justeru itu, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam memberi sumbangan mereka dan sambutan yang menggalakkan ini.

6. Dengan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan Laporan 'UNICEF State Of The World's Children Report 1993'.